



جَابِتْرُ مِفْتِي نِكْرِي قَمَح

قوله تعالى:

فَسَأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

Soalan :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Adakah status insurans MCIS patuh syariah?

Dolampirkan resit rasmi pembayaran polisi insurans isteri saya untuk rujukan pihak tuan. Kami menunggu maklum balas daripada pihak tuan.

Segala kerjasama yang diberikan kami dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Jawapan :

وعليكم السلام ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT, selawat dan salam atas Nabi besar junjungan kita Nabi Muhammad SAW beserta keluarga dan sahabatnya serta mereka yang mengikuti segala sunnah Nabi Muhammad SAW sehingga ke hari kiamat. Terima kasih kepada tuan di atas soalan yang telah diajukan kepada kami.

Status insurans MCIS adalah haram kerana ia merupakan insurans konvensional yang tidak menepati ciri-ciri urusniaga yang dibenarkan oleh syarak. Justifikasi ke atas pengharamannya adalah kerana transaksinya mengandungi unsur *riba*, *gharar* (ketidakketentuan) dan *maisir* (perjudian) yang diharamkan oleh syarak.

1. Unsur *Riba*' Dalam Insurans Konvensional

Kewujudan unsur *riba* dalam sistem insurans konvensional adalah disebabkan oleh faktor syarikat insurans melaburkan premium ke dalam sistem yang berlandaskan *riba*'.

a) Dalil berkaitan *riba* dalam surah al-Baqarah ayat 175:

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا

Maksudnya: "Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan *riba*."

b) Hadis Nabi SAW berkaitan *riba*:

دِرْهَمٌ رِبًا يَأْكُلُهُ الرَّجُلُ وَهُوَ يَعْلَمُ، أَشَدُّ مِنْ سِتَّةٍ وَثَلَاثِينَ زَنِيَةً

Maksudnya: "Satu dirham *riba* yang dimakan oleh seorang lelaki yang mana dia mengetahuinya, lebih dahsyat kesalahannya daripada 36 kali berzina."

(Riwayat Ahmad)

2. Unsur Gharar Dalam Insurans Konvensional

Unsur *gharar* ini adalah berpunca daripada ketidakpastian peserta-peserta kontrak tentang bilakah peristiwa yang dilindungi akan terjadi dan sejauh mana kesannya pada pemegang polisi semasa kontrak yang ditandatangani.

a) Dalil berkaitan **gharar** dalam surah al-Baqarah ayat 188:

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدْلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Maksudnya: “Dan janganlah sebahagian kamu memakan harta sebahagian yang lain di antara kamu dengan jalan yang batil dan (janganlah) kamu membawa (urusan) harta itu kepada hakim, supaya kamu dapat memakan sebahagian daripada harta benda orang lain itu dengan (jalan berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui”

b) Dalil Hadis Nabi SAW berkaitan **gharar** :

هَيَّ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ بَيْعِ الْحِصَاةِ وَعَنْ بَيْعِ الْغَرَرِ

Maksudnya: “Rasulullah shallallahu ‘alaihi wa sallam melarang jual beli al-hashah (dengan melempar batu) dan jual beli gharar.” (HR Muslim)

3. Unsur Maisir Dalam Insurans Konvensional

Jika tiada berlakunya tuntutan atau kerugian daripada pihak pembeli polisi insurans, maka tidak ada bayaran yang akan dikembalikan kepada pihak yang bertaruh. Hal ini seperti berlakunya pertaruhan di antara pembeli polisi dan syarikat insurans.

a) Dalil berkaitan **maisir** (judi) dalam surah al-Baqarah ayat 219:

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ ۖ قُلْ فِيهِمَا إِثْمٌ كَبِيرٌ وَمَنْفَعٌ لِلنَّاسِ وَإِثْمُهُمَا أَكْبَرُ مِنْ نَّفْعِهِمَا

Maksudnya: “Mereka bertanya kepadamu (Wahai Muhammad) mengenai arak dan judi. Katakanlah: "Pada keduanya ada dosa besar dan ada pula beberapa manfaat bagi manusia tetapi dosa keduanya lebih besar daripada manfaatnya”.

b) Dalil Hadis Nabi SAW berkaitan **maisir** (judi):

إِنَّ اللَّهَ حَرَّمَ عَلَيَّ ، أَوْ حَرَّمَ الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْكُوبَةُ

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah telah mengharamkan keatasku, atau diharamkan arak, judi, al-kubah (sejenis permainan yang menggunakan papan, buah dan dadu, juga dikenali sebagai tabal atau nard).”

(Riwayat Abu Daud)

Dalam kaedah fiqh juga menyatakan bahawa:

مَا حَرَّمَ أَخْذَهُ حَرَّمَ إِعْطَاؤَهُ

Maksudnya: *Sesuatu yang haram menerimanya juga haram memberinya.*

Kaedah ini membawa maksud apa sahaja perkara haram yang diambil atau mengambilnya, haram juga hukumnya memberikan kepada orang lain. *Illahnya* ialah ia akan membantu atau menolong kepada perbuatan yang diharamkan.

Ini dikuatkan lagi dengan keputusan Fatwa Negeri Pahang dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Negeri Pahang Kali Ke 4/2010 yang membincangkan mengenai pengharaman insurans konvensional. Antara hujah yang dibahaskan ialah:

1. Keharamannya mengikut kesepakatan para ulama' kerana ia mempunyai elemen tidak patuh syariah iaitu *riba*, *gharar* dan *maisir*.
2. Keharaman muamalah *riba'* tidak terhenti setakat amalan itu sahaja, bahkan Allah SWT telah mengisytiharkan perang kepada pemakan-pemakan harta *riba*.

Justeru itu, sebagai alternatif dan inisiatif kepada permasalahan tuan, jabatan ini menyarankan isteri tuan agar mengambil produk takaful yang menawarkan jenis perlindungan patuh syariah yang terhindar daripada elemen-elemen yang haram. Untuk kepastian, tuan boleh melayari laman web Bank Negara Malaysia untuk mengetahui lebih lanjut berkaitan syarikat pengendali takaful yang patuh syariah di Malaysia. Oleh itu, tuan perlu berbincang dengan pihak pengendali insurans yang isteri tuan sertai supaya polisi insurans ditamatkan agar keluarga tuan terhindar daripada perkara-perkara yang dimurkai oleh SWT.

Sekian, Wassalam.

Rujukan

1. Al-Quran Dan Terjemahan.
2. Al-Suyuthi, Jalal Al Din. *Ashbah Wa Al Nazair*.
3. Sunan Ahmad.
4. Sunan Abu Daud.
5. Sahih Muslim.
6. Keputusan Fatwa Negeri Pahang dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang Kali Ke 4/2010 Mengenai Hukum Mempromosi Produk Insurans Konvensional Menurut Perspektif Islam
7. Wan Marhaini Wan Ahmad, Asmak Abd Rahman, Nor Aini, Azizi Che Seman. *Riba Dan Gharar Dalam Insurans: Satu Analisis Fiqh*, Jurnal Fiqh:No 2 (2005),